



## SIARAN AKHBAR

Untuk Hebahan Segera

### Great Eastern Takaful Melancarkan i-Gr8 Harapan

1 September 2018, Kuala Lumpur - Great Eastern Takaful Berhad ("GETB") telah melancarkan i-Gr8 Harapan, pelan takaful keluarga yang baru untuk memperingati ulang tahun ke-8nya sebagai Pengendali Takaful Malaysia yang telah ditubuhkan pada tahun 2010.

Bertekad untuk memperluaskan cadangan produknya untuk memenuhi keperluan segmen penduduk yang lebih luas, i-Gr8 Harapan direka untuk menyediakan perlindungan yang tinggi dengan sumbangan yang berpatutan kepada rakyat Malaysia berusia 25 hingga 45 tahun yang ingin keselamatan dari segi kesejahteraan keluarga mereka.

Shahrul Azlan Shahriman, Ketua Pegawai Eksekutif GETB berkata, "Dengan sumbangan yang berpatutan sebanyak RM2 setiap hari, peserta boleh menerima sehingga RM1 juta liputan perlindungan – pelan yang bukan sahaja untuk pelanggan baru tetapi juga untuk para peserta yang sedia ada bagi memastikan komitmen kewangan keluarga mereka dijaga sekiranya apa-apa berlaku".

Mengikut kajian yang dijalankan oleh Malaysian Takaful Association, jurang perlindungan pendapatan global terus meluas. "Di masa-masa ketidakpastian dan peningkatan kos sara hidup, pelan ini merupakan salah satu cara terbaik untuk membantu keluarga terdekat dengan penyelesaian hutang. Terutamanya bagi keluarga muda yang berada di dalam pelbagai komitmen kewangan. Dengan itu, kami telah menyediakan kemudahan terbaik dengan mempermudahkan proses permohonan untuk membantu sebanyak mungkin anak muda terutamanya peserta takaful yang pertama kalinya memiliki pelan perlindungan." tambah En. Shahrul.

I-Gr8 Harapan adalah produk tawaran masa terhad yang hanya disediakan dari 1 September hingga 31 Oktober 2018 dengan percuma tanpa sebarang pemeriksaan perubatan yang diperlukan semasa permohonan. Manfaat utamanya termasuk Jumlah Perlindungan Asas yang tinggi sehingga RM500,000, sehingga 4 kali Jumlah Perlindungan Kematian Kemalangan dan tambahan perkhidmatan Badal Hajj dan Waqaf.

Untuk maklumat lanjut mengenai i-Gr8 Harapan, sila layari [greateasterntakaful.com](http://greateasterntakaful.com) atau [facebook.com/greateasterntakaful](https://facebook.com/greateasterntakaful)

#### Mengenai Great Eastern Takaful Berhad

Great Eastern Takaful Berhad adalah sebuah syarikat usaha sama di antara I Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak penubuhannya pada tahun 2010, Syarikat telah mencapai pelbagai kemajuan di mana ia dinamakan 'Institusi Terbaru Islamik Terbaik 2011'; 'Institusi Terbaru Takaful Terbaik' pada 2012; dan 'Pengendali Takaful Terbaik (Asia)' pada 2013 di 'Islamic Business & Finance Awards' di Dubai. Pada tahun 2018, Great Eastern Takaful Berhad telah memenangi anugerah untuk 'Fastest Growing Takaful Company in Malaysia' daripada International Finance, penerbitan analisis premium dan perniagaan di United Kingdom.



---

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Aliah Ali, Komunikasi Jenama & Pemasaran

Tel: 03 4259 8344 atau e-mel: [sitinuraliahmohdali@greateasterntakaful.com](mailto:sitinuraliahmohdali@greateasterntakaful.com)